

PROTON
WAJA

hasil jurutera tempatan

- 9 MAY 2000

Oleh Ebi Azly Abdullah dan Badrila Jamlus.

SHAH ALAM, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Proton Waja, kereta nasional pertama yang reka bentuknya dimajukan sepenuhnya oleh jurutera tempatan.

Model baru Proton Waja versi 1.6 liter dan 1.8 liter yang boleh ditempah mulai Ogos ini, akan dipasarkan pada harga yang berdaya saing, iaitu di antara RM63,000 (bersamaan harga Proton Wira 1.6) dan RM100,000 (Perdana V6).

Ia adalah model kelapan dikeluarkan Proton selepas Saga pada 1985; Iswara (1992); Wira (1993); Satria (1994); Perdana (1995); Tiara (1996); dan Putra (1997).

Proton Waja model 1.6 menggunakan enjin Mitsubishi Suntikan Pelbagai Titik (MPI), manakala 1.8 liter dijana dengan enjin

- Proton memperkenalkan logo baru berlambangkan kepala harimau yang membuktikan satu jenama yang kukuh dan setanding jenama pengeluar kereta lain di dunia.
- Nama Waja dipilih kerana melambangkan keberanian dan kekuatan.

Renault, pengeluar kereta terkemuka Perancis.

Sempena pelancaran model itu, Proton juga memperkenalkan logo baru berlambangkan kepala harimau yang membuktikan satu jenama yang kukuh dan setanding jenama pengeluar kereta lain di dunia. Nama Waja pula dipilih kerana melambangkan keberanian dan kekuatan.

Program pembuatan model baru yang menggunakan

kod GX 2000 itu bermula pada Jun 1996 memabitkan 300 jurutera Bahagian Reka-bentuk dan Penyelidikan Proton.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sijil penghargaan kepada 20 ketua seksyen kumpulan GX 2000.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Pengerusi Proton Bhd. Tan Sri

Mohd Salleh Sulong dan Ketua Eksekutif Proton, Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff.

Berucap pada majlis penuh gemilang yang disiarkan secara langsung menerusi RTM dan NTV7, Dr Mahathir berkata, rakyat berhak berbangga dengan model baru itu kerana dibuat sepenuhnya oleh jurutera tempatan.

“Adalah tidak mudah untuk membuat kereta kerana

ia memerlukan ribuan komponen dan teknologi pembuatan tetapi dalam jangka masa 15 tahun kita sudah menguasai kebolehan.

“Saya yakin, dengan kejayaan Proton menguasai teknologi ini, maka negara kita akan menjadi sebuah negara yang lebih maju dalam bidang kejuruteraan.” katanya.

Perdana Menteri berkata, negara mengeluarkan kereta sendiri bukan semata-mata ingin berbangga dengan pengeluaran kereta nasional tetapi melalui perusahaan itu, Malaysia dapat belajar mengenai bidang kejuruteraan yang diperlukan sebuah negara yang ingin menjadi maju menjelang 2020.

Beliau berkata, walaupun pada mulanya negara terpaksa bergantung kepada bantuan dan teknologi negara

lain, khususnya Mitsubishi Motors Corporation dari Jepun, sedikit demi sedikit Malaysia dapat menguasai teknologi automotif.

“Pada malam ini kita lihat bagaimana usaha kita menguasai teknologi automotif sehingga dapat mengeluarkan kereta yang direka dan dicipta oleh kita sendiri, oleh kakitangan Proton yang sudah menerap banyak ilmu mengenai pengeluaran kereta.

“Bukan saja kakitangan Proton, tetapi mereka yang membekalkan komponen juga berjaya menerap teknologi yang canggih supaya komponen itu memenuhi piawaian yang dikehendaki dunia,” katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut mengimbau sejarah pembabitan Malaysia dalam pengeluaran ke-

reta nasional.

“Seperti kita tahu, ramai pencipta dan pengeluar automotif sudah mengundurkan diri kerana tidak dapat menyaingi syarikat gergasi lain yang lebih berjaya mengeluarkan kereta yang lebih canggih dan lebih mudah diterima pembeli dan pengguna.

“Kita sedar kejayaan Proton disebabkan perlindungan yang kita beri, tetapi kita tahu bahawa di negara lain di mana kita memasarkan Proton tidak ada perlindungan kepada Proton tetapi kita sudah berjaya menembusi banyak pasaran di negara asing termasuk negara maju. “Ini bermakna kereta kita bertaraf dunia dengan piawaian yang sama dengan negara lain dan kita capai dalam, jangka masa yang amat pendek,” katanya.

Dr Mahathir juga yakin Proton mampu menghadapi cabaran akan datang kerana mempunyai pekerja dan pengurus yang bersemangat waja untuk meneruskan usaha bagi membolehkan

LIHAT MUKA 2

Proton jadi jenama terkemuka antarabangsa

DARI MUKA 1 **BH** -9 MAY 2000

Malaysia berdiri sama tinggi dengan negara maju lain di dunia.

Pada sidang akhbaranya pula, Perdana Menteri menegaskan cabaran seterusnya ialah menjadikan Proton jenama terkemuka pada peringkat antarabangsa menerusi usaha sama dengan pengeluar kereta gergasi global.

Dr Mahathir mengakui Proton sukar memasuki pasaran global, khususnya ketika syarikat pengeluar kereta dunia bergabung untuk meningkatkan daya persaingan, sekali gus memastikan kadar pengeluaran tinggi.

Bagaimapun, Dr Mahathir berkata, Proton tidak akan melabur wang yang besar untuk bersaing dengan syarikat terbabit, sebaliknya akan mengkaji kemungkinan bekerjasama dengan pihak

berkenaan.

“Dengan ini, kita akan menerima sedikit, mereka pun akan dapat faedahnya. Tetapi kita tidak akan menjual syarikat kereta tempatan ini (Proton),” tegasnya.

Beliau berkata, Proton juga tetap akan menjalin kerjasama dengan syarikat asing walaupun sudah berjaya membangunkan teknologi membuat kereta pada peringkat tempatan.

Bagaimapun katanya, kejayaan mewujudkan teknologi baru itu bermakna Malaysia kini bebas melakukan sesuatu tanpa mengikut telunjuk mana-mana pihak.

“Itulah sebabnya kita mulakan projek kereta nasional ini... untuk mewujudkan teknologi tempatan yang berkesan menerusi usahasama dengan syarikat asing,” katanya.